

Pameran Citra Dari Timur di Selangor

BH
19 MEI 2006

m/s 10

SHAH ALAM: Satu pameran menonjolkan subjek yang menjadi ikon bagi Terengganu, Pahang dan Kelantan bertajuk Citra Dari Timur diadakan di Muzium Sultan Alam Shah, di sini sehingga 31 Mei ini.

Pameran anjuran Fakulti Seni Lukis dan Senireka Universiti Teknologi Mara (UiTM) kampus Kelantan dengan kerjasama Lembaga Muzium Selangor itu dibuka mulai jam 10 pagi hingga 5.30 petang.

Kenyataan Lembaga Muzium Selangor menyatakan pameran adalah hasil kreativiti bakal graduan Diploma Seni Reka Tekstil yang memaparkan cetusan ilham menerusi pengkajian, pengamatan, pengolahan dan perkembangan idea.

Menerusi cetusan idea itu, pelbagai motif, reka corak dan susunan reka corak dihasilkan, sekali gus diharap menyemarakkan pembangunan industri tekstil.

Menggunakan pendekatan gabungan gaya warisan dan kontemporari, mereka menghasilkan dimensi baru dalam penghasilan reka corak seni tekstil yang disifatkan penuh berseni dan unik.